

## Pembelajaran Transformatif berdasarkan ASK 4k 1n

Oleh: Dr. Haslinda Hasan, FPEP




Pembelajaran bukan sekadar pertukaran pengetahuan tetapi juga pemindahan pembelajaran yang mampu menghasilkan transformasi corak pemikiran dan corak tindakan, (Novak & Gowin, 1984; Sulivan, 2001). Dorongan untuk memiliki keberanian memperbaiki dan membina interaksi pembelajaran yang lebih dinamik, di dalam dan luar kelas adalah penting kerana gaya dan strategi pembelajaran pelajar berbeza mengikut ciri individu dan sosial di persekitarannya. Kreativiti dan pembelajaran mesti dimulakan dengan penciptaan suasana pembelajaran yang menyenangkan, melibatkan potensi pelajar dan persekitaran dan mengembangkan strategi fasilitasi yang sesuai dengan objektif pembelajaran. Pelaksanaan projek *ASK 4k 1n* dapat menyediakan pelajar untuk menunjukkan tingkah laku hasil pembelajaran dalam keadaan dunia sebenar.

Vinke (2002) menjelaskan Model ASK sebagai kemampuan seseorang untuk memilih dan menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk tingkah laku yang berkesan dalam situasi profesional, sosial atau pembelajaran tertentu. Ketiga-tiga komponen ini membuat kerangka konsep untuk model ASK dan menguraikan disiplin reka bentuk yang menjadi bahagian dan komponen penting seperti yang dikehendaki oleh mana-mana profesi. Model ASK dapat mengusulkan kerangka kerja terhadap penilaian tersebut. Ketiga-tiga komponen model iaitu ***Attitudes*** (Sikap), ***Skills*** (Kemahiran) and ***Knowledge*** (Pengetahuan) dapat membantu pendidik menumpukan perhatian dan menilai pencapaian pelajar dengan sewajarnya. ASK adalah model pendidikan, yang sesuai untuk meneroka bagaimana pengetahuan dibuat, dan ketika maklumat menjadi pengetahuan adalah mustahak. Pengetahuan reka bentuk adalah tahap maklumat tertinggi, agar dapat dicipta; oleh yang demikian perekar harus terlibat dalam pengalaman yang nyata. Merujuk kepada Kolb (1984), pembelajaran adalah suatu proses di mana pengetahuan diciptakan melalui transformasi pengalaman. Projek *ASK 4k1n* ini berpaksikan kepada 4K (komunikatif, kolaboratif, kritis, kreatif) 1N (nilai). 4K adalah kemahiran yang perlu diterapkan kepada murid selaras dengan cabaran kehidupan abad ke21 manakala aspek nilai penting untuk melahirkan pimpinan yang berwibawa, bertanggungjawab dan mempunyai sahsiah terpuji serta memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar.

Pembelajaran transformatif (juga disebut pembelajaran transformasi) adalah salah satu teori pembelajaran yang menumpukan pada pendidikan dan pembelajaran dewasa dan memberikan tumpuan kepada idea bahawa pelajar dapat menyesuaikan pemikiran mereka berdasarkan maklumat baharu. Teori Pembelajaran Transformatif ini di kembangkan oleh Jack Mezirow digambarkan sebagai "konstruktivis, suatu orientasi yang menyatakan bahawa cara pelajar menafsirkan dan menafsirkan semula pengalaman akal mereka adalah, penting untuk membuat makna dan dengan itu belajar" (Mezirow, 2009). Dua jenis pembelajaran asas teori ini ialah: pembelajaran instrumental dan komunikatif. Pembelajaran instrumental memberi tumpuan kepada pembelajaran melalui penyelesaian masalah yang berorientasikan tugas dan penentuan hubungan sebab dan akibat. Pembelajaran komunikatif melibatkan bagaimana individu menyampaikan perasaan, keperluan dan keinginan mereka. Projek ini menggunakan *Nerstrom Transformative Learning Model* iaitu model baharu yang muncul berdasarkan teori asal oleh Jack Mezirow yang menunjukkan dengan lebih jelas empat fasa pelaksanaan iaitu:

1. Pengalaman;
2. Andaian;
3. Perspektif yang mencabar; dan
4. Pembelajaran transformatif.



Rajah 1. *Nerstrom Transformative Learning Model*

Kesimpulannya apabila pembelajaran transformatif berlaku, pelajar mengalami anjakan paradigma yang secara langsung mempengaruhi pengalaman masa depan, inilah juga antara objektif kepada pelaksanaan projek *ASK 4k In*.

Rujukan:

- Kolb, D. A. (1984). Experiential learning: Experience as the source of learning and development (Vol. 1). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Mezirow, J. (2009). Transformative learning theory. In J. Mezirow, and E. W. Taylor (Eds), Transformative Learning in Practise: Insights from Community.
- Nerstrom, N (2014). "An Emerging Model for Transformative Learning," Adult Education Research Conference. <https://newprairiepress.org/aerc/2014/papers/> 55
- Novak, J. D. & Gowin, D. B. (1984). Learning how to learn. New York: Cambridge University Press.
- Sullivan, A. (2001). Cultural Capital and Educational Attainment. Sociology, 35(4), 893-912.
- Vinke, D. (2002) "Industrial design at TU/e: the student as a junior employee", Interim report. retrieved September 15, 2003: [www.industrialdesign.tue.nl/education/downloadableFiles/theStudentAsAJuniorEmployee.doc](http://www.industrialdesign.tue.nl/education/downloadableFiles/theStudentAsAJuniorEmployee.doc)